

30 JUN 2000

Pekan Rabu

PEKAN RABU AKAN DIBERI IMEJ BARU, KATA SYED RAZAK

ALOR SETAR, 30 Jun (Bernama) -- Pekan Rabu, kompleks terkenal yang menjual pelbagai barangan termasuk makanan dan pakaian di bandar ini, akan diberi imej baru yang lebih menarik selaras dengan perkembangan semasa.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata beberapa projek dirancang bagi memastikan Pekan Rabu, yang diwujudkan sejak 37 tahun lepas, dapat terus berkembang pesat pada masa depan.

"Pasar raya Melayu itu perlu berubah dari sebuah perniagaan yang berbentuk tradisi kepada perniagaan moden," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Agung Koperasi Pekan Rabu di sini, hari ini.

Menurutnya dalam tempoh terdekat ini, para peniaga diarah membuka perniagaan sehingga pukul 9 malam berbanding 7 malam sekarang dan mengadakan persembahan serta karnival jualan dari semasa ke semasa.

Syed Razak berkata dalam tempoh jangka panjang, kerajaan bercadang mengambil alih bangunan itu yang dimiliki oleh Mara dan membangunkan bahagian yang tidak mempunyai peniaga sebagai hotel jimat.

Kerajaan mahu menjadikan tempat orang Melayu memulakan asas perniagaan itu setanding dengan pasar raya yang terkenal, katanya.

Syed Razak berkata para peniaga di Pekan Rabu juga dibawa melawat ke kompleks membeli belah terkenal untuk mempelajari selok-belok perniagaan berskala besar itu.

Syed Razak berkata Pekan Rabu adalah antara tempat yang dipromosikan oleh kerajaan negeri sebagai tarikan pelancongan di Kedah dan kini semakin ramai pelancong yang singgah di situ.

Pekan Rabu menempatkan 240 peniaga Melayu yang menjual pelbagai jenis barangan seperti kain baju, ubat-ubatan, buku, buah-buahan dan kuih tradisional. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah menjalankan perniagaannya di situ semasa di zaman remaja beliau.

-- BERNAMA

MN NAK